

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**HKT 121 – Teori dan Kritikan Sastera**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. DUA soalan daripada setiap bahagian.

**Bahagian A:**

1. Bincangkan maksud dan fungsi kritikan sastera. Kemudian jelaskan perkembangan kritikan sastera di Malaysia pada tahun 1960an-1970an.
2. Jelaskan jenis-jenis kritikan sastera berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
  - [a] pendekatan
  - [b] pengkritik
  - [c] bentuk
3. Membuat penilaian adalah salah satu aspek penting dalam kritikan sastera. Sehubungan itu, huraikan empat ukurtara dalam menilai sesebuah karya sastera. Huraian mesti disokong dengan contoh-contoh yang sesuai.
4. Jelaskan fungsi teori “kekeliruan tujuan” dan “kekeliruan kesan” dalam memahami Kritikan Baru. Seterusnya bincangkan kekuatan dan kelemahan kritikan ini.

**Bahagian B:**

5. Berdasarkan novel Lamunan Puitis karya Shahnnon Ahmad, bincangkan perhubungan antara ketiga-tiga kisah di dalamnya. Perbincangan anda mesti merujuk kepada kebenaran mimetik, idealistik dan simbolik.
6. Merujuk kepada Memoir Zurinah Hassan Menjejak Puisi, bincangkan kekuatannya sebagai sebuah memoir.
7. Bincangkan peristiwa penaklukan Melaka oleh Albuquerque dan Lisbon oleh Nyemah Mulya dalam novel 1515 karya Faisal Tehrani. Secara kritis jelaskan kenapa peristiwa sejarah ini ditulis semula.